

» Inisiatif tarik pakar sains, syariah serta R&D hasil produk bertaraf dunia

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bh.com.my

Kuala Lumpur

Cadangan penubuhan institut atau pusat kecemerlangan penyelidikan halal oleh beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dijangka menarik ramai ahli sains dan syariah seluruh dunia untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk berteraskan Islam.

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Aminah Abdullah berkata, inisiatif seiring hasrat kerajaan muncul sebagai hab halal global turut mem-

IPTA tubuh pusat selidik pacu hab halal negara

bolehkan pembangunan lebih banyak produk halal, bermula dari ladang sehingga produk akhir untuk manfaat pengguna Islam.

Diiktiraf dunia

Ketika ini, katanya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia antara IPTA yang menyokong R&D produk halal menerusi penubuhan Pusat Kajian Halal, masing-masing.

“Kerajaan sudah memperkenalkan pelbagai inisiatif memacu industri produk halal termasuk perundungan makanan halal, pembangunan standard halal, pensijilan, promosi serta penyelidikan dan pembangunan.

“Malaysia dianggap sebagai pengasas dalam isu berkaitan makanan halal dan pencapaian itu diiktiraf badan dunia seperti Codex Alimentarius, iaitu satu badan yang mengharmonikan standard makanan halal dunia”

Malaysia dianggap sebagai pengasas dalam isu berkaitan makanan halal dan pencapaian itu diiktiraf badan dunia seperti Codex Alimentarius, iaitu satu badan yang mengharmonikan standard makanan halal dunia”

Aminah Abdullah,
Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi UKM

harmonikan standard makanan halal dunia.

Pacu industri halal

“Lebih membanggakan Standard Halal Malaysia turut dijadikan asas pembangunan standard makanan halal

untuk seluruh dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Industri Halal di Malaysia Sebagai Hab Halal Global pada Forum Ikatan Majlis Profesor Malaysia-Indonesia (IPIMA), di Bogor, Indonesia, kelmarin.

Katanya, kewujudan Institut Penyelidikan Halal Malaysia turut menyokong industri halal negara yang berperanan menjalankan aktiviti berkaitan analisis produk halal.

Beliau berkata, aktiviti itu termasuk membangunkan kaedah pengesahan halal yang cepat, efisien dan tepat seperti pembangunan kit, sensor dan kod bar untuk tujuan pemanfautanan.

“Perkembangan ini diharap membantu negara muncul sebagai hab halal global yang diiktiraf sekali gus memberi sumbangan kepada pembangunan ummah,” katanya.